

Umat Islam usah jadi **pengguna** semata-mata

■ Muslim perlu kuasai ilmu seperti generasi zaman kegemilangan

Umat Islam semakin ramai, namun dukacita mereka masih lemah. Mereka tidak mempunyai daya kekuatan dalam pelbagai bidang sebaliknya masing-masing sekadar bangga menjadi pengguna.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan yang sekarang umat Islam mendepani zaman kegelapan yakni merujuk kepada penguasaan ilmu pengetahuan dengan membuat perbandingan penguasaan generasi pada abad pertengahan satu ketika dulu.

Pada Zaman Keemasan itu, umat Islam menguasai pelbagai lapangan ilmu sama ada dalam pengajian agama secara khusus mahupun bidang lain seperti matematik, sains dan teknologi, ekonomi, perubatan serta astronomi.

Waktu itu umat Islam dilihat sebagai umat yang hebat, cemerlang dan gemilang. Mereka disegani dan dikagumi dunia.

Kecemerlangan itu sebenarnya berkesinambungan dari zaman Rasulullah SAW seterusnya zaman Khulafah al-Rasyidin sehingga kepada zaman kerajaan Turki Uthmaniyyah. Umat Islam menguasai hampir dua pertiga dunia hingga ke wilayah Eropah.

Di saat Eropah mengalami Zaman Kegelapan, umat Islam berkembang maju. Ramai cendekiawan Muslim muncul silih berganti untuk suatu tempoh yang agak panjang. Mereka berkongsi penemuan terbaru bagi ke-makmuran sebuah empayar Islam.

Pada zaman Abbasiyyah, bidang intelektual berkem-



KEGEMILANGAN tamadun Islam bukan untuk sekadar dikagumi tapi dicontohi.

bang lebih subur. Banyak karya luar seperti dari Yunani, Siryani dan Parsi yang dibawa masuk untuk disalin dan diterjemah.

Kota Baghdad dikenali sebagai kota ilmu pengetahuan kerana di situ terletak Baitul Hikmah al-Baghdadi sebagai pusat perkembangan

ilmu dan pusat penterjemahan.

Penubuhan Baitul Hikmah oleh Khalifah Harun al-Rashid dan dikembangkannya oleh puteranya, al-Makmun menjadi pusat tumpuan cendekiawan dari seluruh dunia untuk melakukan penyelidikan.

Aktiviti penterjemahan dan penerbitan karya oleh Baitul Hikmah membuka peluang kepada umat Islam untuk membaca dan mengkaji kitab terjemahan.

Mereka bukan hanya mengambil ilmu daripada kajian lalu malah mencipta ilmu baru hasil daripada penemu-

an dan kajian dilakukan. Dengan itu, lahirlah ramai cendik pandai Muslim yang menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Sebagai contoh, al-Zahrawi menjadi tokoh perubatan Islam yang masyhur. Dr Campbell dalam History Of Arab Medicine menjelaskan: "Prinsip sains perubatan al-Zahrawi sebenarnya mengatasi karya Galen di Eropah.

"Beliau menjadi orang pertama menggambar-kandung ektopik pada 963 Masih ketika banyak kematian berlaku sewaktu mengandung dan proses kelahiran."

Karya al-Tasrif beliau setebal 1,500 halaman dan mempunyai 30 bab berjaya diisytiharkan dengan mengambail masa selama 13 tahun.

Namun, realiti pada zaman ini adalah sebaliknya. Umat Islam gagal muncul sebagai juara dalam pelbagai bidang. Jika dilihat kepada jenama perkakas teknologi seperti Apple, Microsoft, Intel dan IBM (The International Business Machines Corporation) adalah produk daripada orang bukan Islam.

Di mana umat Islam? Keadaan umat Islam kini terlalu jauh untuk dibanggakan. Mereka bukan saja tidak menguasai ilmu malah turut meninggalkan nilai Islam sebagai panduan hidup.

Nampak gayanya penjahatan minda yang dilancarkan oleh Barat sudah mulai membentuk generasi baru Muslim yang jauh mengabaikan agama daripada kehidupan.

Padahal kalau kita perhatikan, ulama dan cendekiawan Muslim terdahulu mendikatakan aspek penguasaan agama Islam sebagai keutamaan sebelum menguasai ataupun meneroka ilmu lain.

Sedarlah, bahawa Islam bukan hanya berdiri dalam bentuk amalan ritual semata-mata malah merangkumi segala aspek kehidupan.

Ayuh, buktikan bahawa Islam adalah panduan hidup yang sempurna lagi terbaik. Malah, umatnya pula adalah umat terbaik bukannya malas, gagal dan lemah seperti didakwa oleh orientalis.

FAKTA

Penjajahan minda yang dilancarkan oleh Barat sudah mulai membentuk generasi baru Muslim

Penulis penuntut Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM